



# KOPI PAHIT

Wakil *Front Socialist*, Tuan Lim Kean Siew

telah menuduh bahawa Kesatuan Kebajikan Islam Malaya yang mengeluarkan risalah-risalah agama menyeru orang-orang Senoi memasuki agama Islam telah menjalankan paksaan mengislamkan orang-orang yang bukan Islam. Kalau cara ini dibuat orang Islam tentu boleh pula berkata:

“Orang-orang Kristian yang tidak putus-putusnya membuat risalah dalam bahasa Melayu huruf Jawi dan menghantarkan orang-orangnya ke rumah-rumah orang-orang Islam itu adalah bertujuan maksa<sup>1</sup> orang-orang Islam yang telah beragama itu supaya memasuk Kristian”. Tidakkah begitu orang-orang

*Socialist Front?*

\* \* \*

Bung Sako Ketua *Socialist Front* telah pernah berkata bahawa agama Islam itu agama sosialisme. Ini tentunya untuk menarik orang-orang Islam supaya memasuki *Front Socialist*. Tetapi Bung, Islam itu Islam. Islam hukumnya dari Allah, kerana Allah dan untuk Allah – tiap-tiap pemeluknya berharap keredaan Tuhan! Tidak kepada kebendaan.

\* \* \*

Tuan Lee Kuan Yew Perdana Menteri Singapura telah banyak benar memberi hujah-hujah mengatakan golongan Barisan Sosialis itu Komunis. Ini betul! Rakyat Singapura, Persekutuan dan di mana-mana terutamanya orang-orang Islam tidak mau negeri ini menjadi Komunis atau diperintah oleh Komunis. Kerajaan sekarang dipegang oleh PETIR yang diketuai oleh Perdana Menteri Lee

Kuan Yew sendiri. Apa guna banyak-banyak cakap lagi – tindas sahaja habis perkara. Rakyat Islam tentu akan menyokong seratus peratus. Tindakan lekas lebih baik supaya penyakit jangan merebak – ya apa tidak?

\* \* \*

Albar dahulu dikatakan telah pernah berkata bahawa agama Islam tidak dapat dijalankan hukum-hukumnya di negeri ini. Kemudian Ustaz Albar ini pula dikatakan telah berkata bahawa hukum al-Qur’ān tidak sesuai bagi Tanah Melayu. Orang-orang Islam yang kenal sama Ustaz Albar hanya mau bertanya: Habis hukum apa, ya Ustaz, yang mau dijalankan di Tanah Melayu?

\* \* \*

Ustaz Albar juga dikatakan berkata bahawa Rasulullah melaksanakan hukum Allah adalah selama 23 tahun. Betul, ya Ustaz tetapi beliau menyeru itu selama 23 tahun kepada orang-orang jahiliah tetapi apakah hukum al-Qur’ān yang dipeluk oleh orang-orang Islam dan dipegang serta dijunjung oleh orang-orang Islam mau 50 tahun?

*Mā shā'a Allāh!*

\* \* \*

Wakil-wakil PETIR keluar dari persidangan *Front Socialist* di Kuala Lumpur. Sebabnya kerana mereka memandang bahawa persidangan itu adalah persidangan berbelok ke kiri – ringkasnya sekurang-kurangnya pro-Komunis. Kerana itu pula persidangan memecat PETIR. Sekarang Tengku sudah nampak apa yang zahir dan apa yang ada di sebalik layar. Dato’ Dr. Ismail pun sudah nampak sama ke mana hala rakyat hendak dibawa. Bagi rakyat lain tentunya kita tidak dapat menentukan tetapi kalau rakyat yang beragama Islam – belok ke kiri ertinya bagi mereka ke neraka *Jahannam* sebab itulah untuk mereka, harus mereka meminta bertindak keras sahaja lebih baik sebelum melarat – apa kata?

**Cemeti al-Farouk**

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah memaksa